



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
03 FEBRUARI 2019 (AHAD)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Masyarakat Cina Dun Pandan Indah dirai | 22 |
| - Operasi kafe, pub ganggu penduduk | 22 |
| - Jalan mendap, longkang pecah | 22 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
03 FEBRUARI 2019 (AHAD)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Masyarakat Cina Dun Pandan Indah dirai
Muka Surat	22

Masyarakat Cina Dun Pandan Indah dirai

PANDAN INDAH - Sambutan Tahun Baru Cina pada minggu depan pasti lebih bermakna kepada 520 masyarakat Cina di Dun Pandan Indah apabila dibantu secara berterususan menerusi program Jom Shopping bagi memeriahkan perayaan itu.

Adunnya, Ir Izham Hashim berkata, program itu bertujuan meringankan beban golongan kurang berkemampuan untuk turut memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina.

"Inisiatif kerajaan negeri mengekalkan pemberian baucar Jom Shopping sambutan Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari raya membuktikan keprihatinan kita kepada rakyat.

"Pada masa sama, saya berharap penerima gembira dengan inisiatif ini kerana sedikit sebanyak dapat membantu membeli barangan ke-



Izham bergambar bersama penerima baucar Prgram Jom Shopping.

perluan bagi meraikan perayaan ini," katanya.

Izham turut meluangkan masa beramah mesra bersama penerima baucar yang hadir sambil menemani me-

reka membeli-belah.

Beliau berharap sambutan perayaan ini dapat mengeratkan perpaduan berbilang kaum di negara ini.

"Kita seharusnya menge-

MS 22
tepankan segala perbezaan ideologi politik dan terus mengekalkan semangat perpaduan yang telah terjalin sekian lama," katanya.

SH 3/2/19



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 03 FEBRUARI 2019 (AHAD)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Operasi kafe, pub ganggu penduduk
Muka Surat	22

SH 3/2/19 Ms 22

Operasi kafe, pub ganggu penduduk

PANDANINDAH - Penduduk Taman Pandan Mewah di sini menggesa pihak berkuasa memantau kafe dan pub di taman itu yang dipercayai menimbulkan kacau ganggu.

Mereka mendakwa, kewujudan pusat hiburan yang dipercayai beroperasi sejak setahun itu mengakibatkan gangguan bising berlebihan.

Tinjauan Sinar Harian mendapati, premis itu terletak di kawasan industri dan berhampiran dengan kawasan perumahan penduduk serta masjid.

Seorang penduduk yang enggan dikenali mendakwa terganggu dengan operasi kafe dan pub yang mula beroperasi kira-kira jam 10 malam hingga 5 pagi, setiap hari.

Menurutnya, usaha dilakukan termasuk membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) namun masalah berkenaan masih belum diselesaikan.

"Kami meminta pusat hiburan tersebut dipindahkan ke kawasan lain kerana



ABD HAMID

beroperasi terlalu hampir dengan kediaman sehingga menjejaskan keselesaan penduduk," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPAJ, Datuk Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya akan menyemak aduan penduduk tersebut.

"Dalam rekod kita, tiada lesen berkaitan premis berkenaan di kawasan tersebut, namun kita akan menyiasat aduan itu sama ada premis tersebut melakukan kesalahan sebelum tindakan lanjut," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 03 FEBRUARI 2019 (AHAD)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Jalan mendap, longkang pecah
Muka Surat	22

SH 3/2/19 M/S 22
Jalan mendap, longkang pecah

KAMPUNG PANDAN - Penduduk di Lorong B4 Kampung Pandan Dalam, di sini, meminta pembinaan longkang baharu.

Ketua Kampung, Kampung Pandan Syed Abdul Halim Syed Harman berkata, tinjauannya mendapati berlaku mendapan di tepi jalan sehingga mengakibatkan longkang pecah.

Selain itu katanya, pemilik kereta yang meletakkan kenderaannya di situ sejak

sebulan lalu sudah dimaklumkan mengalihkan kenderaan kerana laluan bertambah sempit.

Beliau berkata, isu mendapan itu juga sudah dimaklumkan kepada Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Mohd Aris Ismail untuk tindakan lanjut.

"Kerja baik pulih infrastruktur ini akan dilaksanakan segera demi kesejahteraan penduduk di sini," katanya.



Syed Halim menunjukkan jalan mendap dan longkang pecah.